


SEKITAR PERASMIAN SIDANG PARLIMEN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



□ SERI Paduka memeriksa kawalan kehormatan Batalion ke-11 RAMD.



□ DATUK Seri Dr. Mahathir, Datuk Musa Hitam dan Speaker Datuk Mohd. Zahir Haji Ismail (kanan) menunggu ketibaan Seri Paduka.

KUALA LUMPUR, Isnin — Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hari ini berangkat merasmikan pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Keenam dalam satu istiadat penuh berwarna-warni di Bangunan Parlimen di sini.

Permaisuri Agong. Hadir sama ialah para Menteri Kabinet dan pembesaran negara yang lain serta para perwakilan asing.

Tengku Razaleigh Hamzah dalam sidang kali ini. Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda berdua disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad; Timbalannya, Datuk Musa Hitam; Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Ismail Khan; dan Speaker Dewan Rakyat, Datuk

Gambar oleh KHALID REDZA dan YUSOF OMAR

Mohamed Zahir Haji Ismail, serta isteri masing-masing. Seri Paduka Baginda kemudian berangkat naik ke pentas khas untuk menerima tabik hormat dan pemeriksaan kawalan

kehormatan oleh 107 orang pegawai dan anggota Batalion ke-11 Rejimen Askar Melayu Diraja. Perbarisan kawalan kehormatan itu dipimpin oleh Mejar Annuar Abdul Aziz.

Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Mejar Annuar Alaidin memersempakan persembakan perbarisan mengiringi pemeriksaan perbarisan oleh Seri Paduka Baginda.



Serentak dengan itu, tembakan meriam 21 das dilepaskan oleh pasukan meriam istiadat sambil pancaragam pusat.

Para anggota kedua-dua Dewan Negara dan Dewan Rakyat menghadiri istiadat ini.

Seramai 12 orang pegawai pembawa alat bebasaran Diraja mengapi Seri Paduka Baginda berdua ke Dewan Persidangan melalui barisan pegawai-pegawai tombak.

Di akhir titah ucapan Diraja selama hampir 30 minit itu, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Sheikh Mohetai Haji Saleh membacakan doa selamat.

Sebelum Seri Paduka Baginda berdua berangkat meninggalkan Dewan, Speaker Dewan Rakyat telah bangun untuk mengumumkan penutupan persidangan Dewan hingga jam 2.30 petang esok.


Selepas itu, Seri Paduka Baginda berdua berangkat ke Bilik Rehat Diraja untuk majlis santapan ringan dengan diringi oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa, serta isteri masing-masing.

Seri Paduka Baginda kemudian berangkat ke ruang lobi Dewan Negara untuk majlis sembah-kenal dengan para ahli Parlimen.

□ TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri Encik Anwar Ibrahim (kiri) berbincang dengan Menteri Kemaajuan Tanah dan Wilayah Datuk Rais Yatim.



□ MENTERI Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah (kanan) dan Datuk Haji Mohamad Nasir masuk ke Dewan Rakyat.



□ KETUA Menteri Sarawak Datuk Patinggi Taib Mahmud (kanan) membantu Menteri Perdagangan dan Perindustrian Engku Ahmad Rihauddeen membentukkan butang bajunya.



□ MENTERI Pelajaran Datuk Dr. Sulaiman Daud merakamkan istiadat tersebut dengan kameranya.